



POLYCC

YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME

Entrepreneurship For Sustainable Lifestyle



GARIS PANDUAN

DAN

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

TARIKH

MAC - OKTOBER 2023

ANJURAN BERSAMA

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

PKT LOGISTICS GROUP SDN. BHD

PERTANDINGAN PROJEK
YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME 2023 (YS2P 3.0)
 “Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle”

Nama Program	Young Socialpreneur Programme 2023 (YS2P 3.0)
Tema	“Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle”
Tempoh	Jan – Oktober 2023
Penyertaan	Pensyarah (Mentor) dan pelajar
Institusi	Politeknik dan Kolej Komuniti
Pengelola	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Penganjur bersama	Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP) Bahagian Kurikulum(BK) Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) PKT Logistics dan Rakan Industri
Rangka kerja	Perancangan projek Keusahawanan Sosial (SE) dan kaedah penjanaan modal
Sasaran	Pensyarah dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti. (POLYCC)
Pendekatan	Merupakan nilai tambah kepada pelajar bagi penganjuran aktiviti keusahawanan dan mempunyai nilai tanggungjawab sosial kepada komuniti.
Keunikan	Keusahawanan sosial adalah kerja-kerja usahawan sosial yang mempunyai penyelesaian inovatif kepada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Penghasilan projek keusahawanan sosial yang memberikan impak kepada komuniti serta pembelajaran berasaskan pengalaman dalam penjanaan modal bagi membiayai projek keusahawanan sosial tersebut.
Pertandingan	Dinilai berdasarkan sejauh mana pelaksanaan dan impak projek keusahawanan sosial yang dilaksanakan serta kreativiti dalam penjanaan modal bagi menjalankan projek keusahawanan sosial tersebut kepada komuniti/organisasi/badan amal yang berdaftar.

1. APAKAH PROJEK KEUSAHAWANAN SOSIAL?

Projek keusahawanan sosial merujuk kepada inisiatif yang bertujuan menyelesaikan masalah sosial atau alam sekitar melalui model perniagaan yang inovatif dan mampan. Projek keusahawanan sosial melibatkan elemen berikut:

- i. **Masalah Sosial atau Alam Sekitar:** Projek keusahawanan sosial memberikan tumpuan kepada penyelesaian masalah tertentu dalam masyarakat atau alam sekitar contohnya kemiskinan, pengangguran, kurangnya akses kepada pendidikan atau perkhidmatan kesihatan, pemuliharaan alam sekitar, dan sebagainya. Penerangan projek perlu dinyatakan masalah yang ingin diselesaikan.
- ii. **Matlamat Sosial:** Setiap projek keusahawanan sosial mempunyai matlamat sosial yang spesifik. Matlamat ini berkaitan dengan impak sosial yang ingin dicapai melalui projek tersebut. Contohnya, matlamat boleh melibatkan mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan kesejahteraan masyarakat, mengurangkan pencemaran alam sekitar, atau memelihara kepelbagaian biologi. Penerangan projek perlu dinyatakan dengan jelas matlamat sosial yang ingin dicapai.
- iii. **Model Perniagaan:** Projek keusahawanan sosial juga melibatkan pembangunan model perniagaan yang mampan. Model perniagaan ini perlu mampu menghasilkan pendapatan yang mencukupi untuk menjaga kelestarian projek, sambil mencapai matlamat sosial yang ditetapkan. Model perniagaan boleh melibatkan jualan produk atau perkhidmatan, pengumpulan dana, perkongsian dengan organisasi lain, atau pendekatan lain yang sesuai dengan konteks projek. Penerangan projek perlu menjelaskan model perniagaan yang akan digunakan.
- iv. **Inovasi:** Keusahawanan sosial sering melibatkan pendekatan inovatif dalam menyelesaikan masalah sosial atau alam sekitar. Ini boleh melibatkan pembangunan produk atau perkhidmatan baru, penggunaan teknologi yang baru, penerapan pendekatan yang belum pernah dicuba sebelum ini, atau gabungan idea-idea baru

untuk mencapai hasil yang lebih efektif dan berkelanjutan. Penerangan projek perlu menyajikan aspek inovasi yang terdapat dalam projek tersebut.

- v. **Pengukuran Impak:** Projek keusahawanan sosial perlu melibatkan pengukuran impak untuk menilai sejauh mana matlamat sosial tercapai. Ini melibatkan pemantauan dan pengukuran terhadap petunjuk yang relevan dengan masalah yang ingin diselesaikan. Pengukuran impak membantu memastikan bahawa projek benar-benar mencapai perubahan positif yang diinginkan dalam masyarakat atau alam sekitar. Penerangan projek perlu merangkumi elemen ini.

KAEDAH PENJANAAN MODAL BAGI PROJEK KEUSAHAWANAN SOSIAL

Terdapat beberapa kaedah dalam penjaan modal bagi menjalankan projek keusahawanan sosial iaitu:

- i. **Pendanaan Sendiri:** Kaedah ini melibatkan menggunakan sumber kewangan daripada pemilik projek keusahawanan sosial. Pemilik projek mungkin menggunakan simpanan sendiri, aset yang ada, atau tabungan peribadi untuk memulakan atau membiayai projek tersebut.
- ii. **Pendanaan Pihak Luar:** Projek keusahawanan sosial boleh mencari pendanaan daripada pihak luar, seperti organisasi, yayasan, institusi kewangan, atau pelabur sosial. Pendanaan ini boleh berbentuk sumbangan, pinjaman, atau pelaburan modal.
- iii. **Crowdfunding:** Crowdfunding merupakan kaedah untuk mengumpulkan modal dengan meminta sumbangan kecil daripada ramai orang melalui platform crowdfunding. Projek keusahawanan sosial boleh menawarkan ganjaran, produk, atau bahagian keuntungan sebagai imbalan kepada penyumbang.
- iv. **Kolaborasi Strategik:** Projek keusahawanan sosial boleh menjalin kolaborasi dengan organisasi lain, sama ada syarikat, kerajaan, atau organisasi bukan berasaskan keuntungan. Kerjasama ini boleh

melibatkan sokongan kewangan, sumber daya, pengetahuan, atau rangkaian yang dapat membantu dalam pembangunan dan pembiayaan projek.

- v. **Pinjaman Mikro:** Pinjaman mikro adalah sumber pembiayaan kecil yang diberikan kepada usahawan sosial yang memerlukan modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Pinjaman ini boleh diperolehi daripada institusi kewangan mikro atau institusi kredit sosial yang memberi tumpuan kepada pembiayaan keusahawanan sosial.
- vi. **Program Subsidi:** Dalam beberapa kes, projek keusahawanan sosial boleh mendapatkan sokongan atau subsidi daripada kerajaan atau institusi lain yang berminat untuk mempromosikan inisiatif sosial dan alam sekitar. Subsidi ini boleh berbentuk bantuan kewangan, pengurangan cukai, atau kemudahan lain yang membantu mengurangkan kos operasi projek.

2. LATAR BELAKANG PROGRAM

Young Socialpreneur Programme (YS2P) dimulakan pada tahun 2017 dan diteruskan penganjuran YS2P2.0 pada tahun 2018. Idea tersebut dicetuskan oleh Dato' Seri (Dr) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistics Group Sdn. Bhd. Beliau merupakan Ahli Majlis Penasihat Industri JPPKK, Panel Penasihat Industri POLISAS, Penasihat Program bagi Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS) di POLISAS dan berpengalaman luas menjalankan projek keusahawanan sosial antaranya program Anak Belajar Ibu Bekerja (ABIB). Program Young Socialpreneur Programme 3.0 (YS2P 3.0) ini merupakan program ketiga YS2P bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai atribut keusahawanan serta mempunyai nilai tanggungjawab sosial kepada komuniti melalui pelaksanaan projek keusahawanan sosial. YS2P 3.0 dilaksanakan bagi memperkasakan keusahawanan sosial POLYCC dengan menerapkan dua elemen utama iaitu perancangan projek keusahawanan sosial yang akan dilaksanakan dan kaedah penjana modal

bagi melaksanakan projek tersebut. Program Keusahawan Sosial ini bertemakan “Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle”.

3. OBJEKTIF PROGRAM

- i. Meningkatkan peratusan usahawan pelajar POLYCC yang menjalankan perniagaan di kampus semasa tempoh pengajian mereka.
- ii. Peratusan usahawan graduan POLYCC yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian.
- iii. Memperkasakan keusahawanan sosial POLYCC selaras dengan Pelan Tindakan keusahawanan IPT 2021-2025 dan Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2023)
- iv. Meningkatkan bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.
- v. Menggalakkan industri membiayai modal projek perniagaan pelajar POLYCC melalui modal awal, geran dan lain-lain.
- vi. Memperkukuhkan kemahiran insaniah para pelajar termasuk sifat kompetitif dan berdaya saing
- vii. Menyumbang kepada pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan mampan untuk semua.

4. GARIS MASA YS2P



5. PERINGKAT PERTANDINGAN

Program ini akan dilaksanakan bermula Mac sehingga Oktober dan merangkumi 4 fasa iaitu:

FASA 1: PENDAFTARAN, *ONLINE PITCHING* DAN MBR

- 9 Mei 2023 secara virtual dan diadakan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
- Sasaran penyertaan kepada warga Politeknik dan Kolej Komuniti
- Pendaftaran berkumpulan (100 kumpulan - 1,000 pelajar)
- *Online pitching*
- Malaysia Book of Records penjurian secara dalam talian (50 juri terhadap 100 kumpulan peserta)

FASA 2: BOOTCAMP KEUSAHAWANAN SOSIAL

- 21 Jun 2023 Webinar SE secara online (Mentor)
- 4 – 6 Julai 2023 bertempat di POLISAS
- *Bootcamp* Keusahawanan Sosial dan penjurian 50 kumpulan
- Pengumuman 20 kumpulan terbaik
- Penjurian 20 kumpulan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

MAJLIS PERASMIAN DAN PENGUMUMAN “MALAYSIA BOOK OF RECORDS”

- Pengumuman 10 kumpulan terbaik penyerahan modal pemula RM 1000/kumpulan
- Pengumuman “**MALAYSIA BOOK OF RECORDS**”
“**Most Online Judging in a Young Socialpreneurship Competition**”

FASA 3: PELAKSANAAN PROJEK YS2P 3.0

- Projek YS2P 3.0 bermula dari Julai – Oktober 2023
- Penghantaran laporan projek secara dalam talian

FASA 4 : KONVENSYEN KEUSAHAWANAN SOSIAL

- 26 Oktober 2023 bertempat di *The Ship Campus*, Pulau Pinang
- Pembentangan dan Penilaian Akhir Projek (10 kumpulan finalis)

6. HADIAH PERTANDINGAN

- a. Anugerah Utama (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
- b. Anugerah Penjanaan Dana Tertinggi (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
- c. Anugerah Projek SE (Trofi, Wang Tunai & Sijil)
- d. Anugerah Mentor Terbaik (Trofi & Sijil)
- e. Anugerah CEO Terbaik (Trofi, Tajaan Biasiswa RM 80,000 & Sijil)
- f. Anugerah Khas Penaja (Trofi & Sijil)
- g. Anugerah Vlog Tik Tok Paling Popular (Trofi & Sijil)

7. SYARAT & KRITERIA PERTANDINGAN

- Terbuka kepada semua pelajar POLYCC
- Setiap kumpulan maksimum terdiri daripada SEPULUH (10) orang pelajar dan salah seorang dilantik sebagai CEO kumpulan
- Setiap kumpulan perlu dibimbing oleh DUA (2) orang MENTOR yang terdiri daripada pensyarah institusi berkenaan
- MENTOR perlu mendaftarkan peserta secara *online* di <http://ys2p.polisas.edu.my>
- MENTOR perlu memilih SATU Badan Kebajikan/Organisasi yang berdaftar.
- Setiap kumpulan perlu merancang SATU (1) **program keusahawanan sosial yang berasaskan perniagaan** yang memberi **IMPAK** yang berterusan
- Setiap kumpulan perlu menghantar video pendek berdurasi **maksimum 3** minit dan mesti dimuatnaik ke dalam YOUTUBE yang menjelaskan tentang perniagaan berdasarkan Business Model Canvas (BMC) tentang keusahawanan sosial yang akan dijalankan

SPESIFIKASI & ISI KANDUNGAN VIDEO PITCHING (FASA 1)

- Nama Kumpulan
- Nama projek
- Badan kebajikan/Organisasi yang terlibat
- Pengenalan idea/perancangan projek (Social Entrepreneurship (SE) project)
- Kaedah pelaksanaan/penjanaan dana projek
- Penggunaan sekurang-kurangnya (3) komponen Business Model Canvas (BMC)
- Impak pelaksanaan projek
- Peserta mesti menunjukkan wajah dan menggunakan suara sendiri untuk pitching
- Pakaian yg bersesuaian/koporat
- Tajuk video #YS2P3.0_(Institusi)_(Nama Projek)
cth: #YS2P3.0_POLISAS_ProjekPermata

ISI KANDUNGAN KERTAS KERJA DAN SLAID PEMBENTANGAN (FASA 2)

Fasa 2: Boot Camp Keusahawanan Sosial

- Nama Kumpulan
- Nama projek
- Pengenalan idea/perancangan projek
(Social Entrepreneurship (SE) project)
- Carta Organisasi Kumpulan
- Badan kebajikan/Organisasi yang terlibat
- Kaedah pelaksanaan/penjanaan dana projek
- Perancangan Kewangan
- Impak pelaksanaan projek
- Kesimpulan

ISI KANDUNGAN LAPORAN PROJEK AKHIR (FASA 3 & 4)

Fasa 3 : Pelaksanaan Projek

Fasa 4 : Konvensyen Keusahawanan Sosial

- Ringkasan Eksekutif
 - Carta Organisasi Kumpulan
 - Badan kebajikan/Organisasi yang terlibat
 - Ringkasan Aktiviti/ projek
(Social Entrepreneurship (SE) project)
 - Kaedah pelaksanaan/penjanaan dana projek
 - Laporan Kewangan
 - Impak pelaksanaan projek
 - Kesimpulan
-
- Pertukaran peserta yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan. Walaubagaimanapun, pertimbangan khas boleh diberi berdasarkan alasan yang munasabah.
 - Idea/perancangan projek yang dicadangkan hendaklah asli dan tidak terikat dengan mana-mana hak Harta Intelek. Penganjur tidak akan

bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau ciplak.

- Idea/perancangan projek yang dihasilkan mestilah sesuai dengan tema pertandingan.
- Idea/perancangan projek mestilah dapat memberi impak yang besar khususnya nilai tanggungjawab sosial kepada komuniti melalui pelaksanaan projek keusahawanan sosial. YS2P 3.0
- Setiap pasukan hendaklah mendaftar dengan mengisi borang pertandingan yang disediakan oleh sekretariat pertandingan sahaja. Penghantaran borang hendaklah selewat-lewatnya pada tarikh tutup pendaftaran.
- Sekretariat pertandingan berhak untuk menukar, meminda, mengubah atau menambah terma syarat pertandingan ini sekiranya berlaku situasi tertentu mengikut keperluan dan semua peserta akan tertakluk dengan perubahan tersebut.
- Segala keputusan juri di Peringkat Saringan (secara dalam talian) dan Peringkat Separuh Akhir & Akhir (secara bersemuka) adalah **muktamad**.

8. KRITERIA PENJURIAN.

Peringkat Saringan (FASA 1)

Bil	Perkara	Pemberat
1	Kreativiti idea produk yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah berdasarkan tema. Projek / Aktiviti Keusahawanan Sosial	15
2	Video menunjukkan keperluan penyelesaian masalah keusahawanan sosial/Golongan Sasaran	15
3	Kaedah penjanaan modal	20
4	Impak Sosial dan Skop dan kemampuan	20
5	Penyampaian idea yang kreatif, berkualiti, inovasi dan asli dalam bentuk video.	15
6	Aspirasi dan pembentangan projek	15
7	Jumlah	100%

Peringkat Separuh Akhir (FASA 2 : Bootcamp Keusahawanan Sosial)

Bil	Perkara	Pemberat
1	Mempamerkan Projek / Aktiviti Keusahawanan Sosial yang berasaskan TEMA: "Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle" secara kreatif dan unik untuk Golongan Sasaran	20
2	Kaedah penjanaan modal dan impak sosial	20
3	Skop dan kemampuan	15
4	Perancangan Kewangan	15
5	Kreativiti dan Inovasi	15
6	Aspirasi dan pembentangan projek	15
7	Jumlah	100%

Peringkat Pembentangan dan Penilaian Akhir Projek (Fasa 3 & 4)

Bil	Perkara	Pemberat
1	Projek / Aktiviti Keusahawanan Sosial	10
2	Golongan Sasaran	10
3	Kaedah penjanaan modal	10
4	Impak Sosial dan Ekonomi Projek	15
3	Laporan perancangan kewangan	15
5	Video penggambaran pembangunan Projek / Aktiviti Keusahawanan Sosial (Vlog tiktok)	20
6	Kreativiti dan Inovasi	10
7	Aspirasi dan pembentangan projek	10
8	Jumlah	100%

Syarat dan Peraturan Pembentangan dan Penilaian Akhir Projek

- Masa Persembahan/Pembentangan
 - Tarikh persembahan/ pembentangan penilaian projek akan ditetapkan oleh pihak Urusetia.
 - Masa yang diberikan bagi setiap persembahan/pembentangan adalah 20 minit. (termasuk sesi soal jawab)
 - Masa untuk persembahan/pembentangan adalah lima belas (15) minit, manakala sesi soal jawab selama lima (5) minit. Setiap kumpulan perlu mengagihkan masa dengan bijak antara ahli kumpulan bagi setiap penyampaian.
 - Pengagihan masa boleh berpandukan kepada pembahagian masa seperti dibawah:

<ul style="list-style-type: none"> • a) Persediaan • b) Pengenalan (ahli dan projek) • c) Persembahan/pembentangan • d) Kesimpulan & Penutup 	}	15 minit
<ul style="list-style-type: none"> • e) Sesi soal jawab 	}	05 minit
 - Para peserta mestilah berpakaian kemas dan bersesuaian semasa sesi persembahan/pembentangan.

- Hanya **dua (2)** orang **Mentor** dan **empat (4)** orang **peserta** dibenarkan masuk ke dalam bilik pembentangan. Namun hanya peserta sahaja yang akan membuat pembentangan.
- Semasa sesi pembentangan:
 - Kad **MULA** akan dipamerkan oleh penjaga masa kepada para peserta untuk memulakan sesi pembentangan
 - Kad **5 MINS/SOAL JAWAB** dan
 - Kad **TAMAT** menandakan tamatnya sesi /pembentangan.
- Setiap kumpulan hendaklah membuat **tiga (3) salinan bercetak** untuk perkara-perkara berikut dan dibawa bersama ketika hari pembentangan:
 - **Kertas kerja**
 - **Slide pembentangan**
 - **Poster**
- Para peserta hendaklah mendaftar secara atas talian dan memuatnaik kertas kerja, slide pembentangan dan poster di link: <https://forms.gle/vurF8ethTnsGmyaE8> selewat-lewatnya pada **02 JULAI 2023** sehingga 11.59 malam.
- Fail yang dimuatnaik hendaklah diletakkan nama seperti berikut:
 - **YS2P3.0 NAMA KUMPULAN_poster**
 - **YS2P3.0 NAMA KUMPULAN_kertaskerja**
 - **YS2P3.0 NAMA KUMPULAN_slide pembentangan**



9. PENUTUP

Untuk sebarang pertanyaan, boleh sertai kumpulan Mentor YS2P 3.0 2023 dengan imbas QR yang disediakan di bawah atau sila hubungi

<https://chat.whatsapp.com/Bben1FKU0D28bcpRLduyT4>



POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH,

Semambu, 25350 Kuantan, Pahang

Emel : ys2p@polisas.edu.my

Laman Web Rasmi : <http://ys2p.polisas.edu.my/>

PERTANYAAN AM

Pengarah Program - Pn. Hajah Razana Fatin binti Abdullah @ Razali
fatin@polisas.edu.my

Penolong Pengarah Program - En.Azad Muslim bin Muhammad
azad@polisas.edu.my

Penyelaras Mentor - Pn. Fauzianna binti Awang
fauzianna@polisas.edu.my

BERKENAAN PERTANDINGAN








Ketua Koordinator Pertandingan - Pn. Suriati binti Ahmad
Tel : 011-1096 7579

Koordinator Pertandingan - Pn. Rosmawati binti Saidin
Tel : 013-908 2003

Koordinator Pertandingan - Pn.Raja Irfah Hilyani bt Raja Abd Rahman
Tel : 013-981 3727

POSTER (FASA 2)

Template boleh dimuat turun melalui portal <http://ys2p.polisas.edu.my/>

	
POLYCC YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME <i>Entrepreneurship For Sustainable Lifestyle</i>	
	
<p>GAMBAR KUMPULAN</p> 	<p>NAMA PROJEK :</p> <p>Nama Mentor 1: Nama Mentor 2:</p> <p>Nama Peserta 1 : Nama Peserta 2 : Nama Peserta 3 : Nama Peserta 4 : Nama Peserta 5 :</p> <p>Nama Peserta 6 : Nama Peserta 7 : Nama Peserta 8 : Nama Peserta 9 : Nama Peserta 10 :</p>
<p>Pengenalan idea/perancangan projek (Social Entrepreneurship (SE) project)</p> 	<p>Impak pelaksanaan projek</p> 
<p>Kaedah pelaksanaan/penjanaan dana projek</p> 	<p>Gambar <u>Projek</u></p> 
<p>JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH PKT LOGISTICS GROUP SDN. BHD</p>	